A

Mukhlis M Nur lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–212–07 TAHUN 2011

B

BALIA YUSOF, DAVID WONG DAN ZAWAWI SALLEH HHMR

20 OGOS 2014

C

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran 1,907g kanabis — Sabitan dan hukuman — Rayuan terhadap — Sama ada hakim perbicaraan gagal memberi pertimbangan dan mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan pembelaan — Sama ada hakim perbicaraan gagal membuat dapatan di akhir kes pembelaan — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah — Sama ada satu salah arahan atau bertentangan dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah — Sama ada sabitan dan hukuman selamat — Tugas mahkamah dalam mendengar rayuan — Kanun Tatacara Jenayah s 182A(2)

D

E

Perayu, seorang warganegara Indonesia, telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') iaitu dikatakan mengedar kanabis seberat 1,907g di kawasan keluar-masuk ke Stesen KTMB Subang Jaya. Di akhir perbicaraan, perayu didapati bersalah dan disabitkan serta dijatuhkan hukuman gantung

F

mandatori di bawah s 39B(2) ADB. Tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman tersebut, perayu telah merayu ke mahkamah ini. Fakta kes yang diterima oleh hakim perbicaraan dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu adalah seperti berikut. Atas maklumat berkenaan pengedaran kanabis di

G

kawasan Stesen KTMB Subang Jaya, satu pasukan polis yang diketuai oleh SP2 telah menahan perayu. Perayu cuba melarikan diri tetapi berjaya ditahan. Semasa penahanan tersebut, beg galas berwarna hitam berada di belakang perayu. Hasil pemeriksaan beg galas tersebut SP2 mendapati, antara lain, dua ketulan mampat yang disyaki sebagai ganja, 20 keping gambar perayu dan kad

H

UNHCR beliau. Kemudiannya, perayu telah membawa pasukan polis ke sebuah rumah di Sungai Buloh kepunyaan seorang yang bernama Zul. Di dalam rumah tersebut pasukan polis hanya mendapati seorang lelaki tua dan peralatan-peralatan ganja. SP4, ahli kimia, mengesahkan bahawa ketulan mampat itu ialah kannabis seberat 1,907g. Perayu mengemukakan pembelaan

I

pembawa tidak bersalah. Perayu mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai dadah yang terdapat di dalam beg tersebut kerana beg tersebut bukan miliknya tetapi milik Zul dan beliau memegang beg tersebut sementara Zul pergi ke tandas. Perayu mencabar keputusan hakim perbicaraan atas dua alasan utama seperti berikut: (i) hakim perbicaraan telah

gagal mengambil kira keseluruhan keterangan, iaitu, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan dalam memutuskan di akhir kes pembelaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dan dengan demikian bertentangan dengan peruntukan s 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); dan (ii) hakim perbicaraan telah gagal membuat dapatan di akhir kes pembelaan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dan dengan demikian bertentangan dengan peruntukan s 182A(2) KTJ.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengesah sabitan dan hukuman:

(1) Alasan penghakiman hakim perbicaraan hendaklah dilihat secara keseluruhan dan tidak boleh dibaca secara berasingan. Adalah jelas bahawa hakim perbicaraan dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah telah memberi pertimbangan dan mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan juga pembelaan. Dalam hubungan ini, hakim perbicaraan telah menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan bersama-sama. Alasan penghakiman hakim perbicaraan tidak boleh dibaca 'by dissectting them into small pieces and examining each piece in isolation' atau menggunakan pendekatan 'cherry-picking', tetapi hendaklah dianalisis secara keseluruhan (lihat perenggan 13–14 & 17).

(2) Apabila hakim perbicaraan memutuskan bahawa pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, ini hanya membawa satu pengertian sahaja iaitu pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Pada hakikatnya hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Kegagalan hakim perbicaraan untuk menyatakan secara jelas frasa keramat iaitu 'pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah', dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, tidak merupakan satu salah arahan atau bertentangan dengan peruntukan s 182A(2) KTJ (lihat perenggan 23).

[English summary

The appellant, an Indonesian citizen, was charged in the High Court for an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') for the alleged trafficking of cannabis weighing 1,907g at the entrance-exit of the Subang Jaya KTMB Station. At the end of the trial, the appellant was found guilty and convicted and sentenced to mandatory death under s 39B(2) of the DDA. Dissatisfied with the conviction and sentence, the appellant appealed to this court. The facts of case accepted by the trial judge in deciding that the

prosecution had successfully proved a prima facie case against the appellant as the following. Based on information received relating to trafficking of cannabis at Subang Jaya KTMB Station, a police team headed by SP2 arrested the appellant. The appellant attempted to flee but was successfully arrested. During the arrest, a black sling back was slung behind the appellant. SP2's search on the sling bag revealed, inter alia, two slabs suspected to be cannabis, 20 pieces of the appellant's picture and his UNHCR card. The appellant then brought the police team to a house in Sungai Buloh which belonged to one Zul. At the house, the police team only found an old man and cannabis paraphernalia. SP4, a chemist, confirmed that the slabs were cannabis weighing 1,907g. The appellant brought forth the defence of innocent carrier. The appellant insisted that he had no knowledge of the drugs in the bag as the bag was not his but one Zul and he had held the bag while Zul went to the washroom. The appellant challenged the trial judge's decision on two grounds: (i) the trial judge failed to take into account the whole evidence, namely, the evidence adduced by the prosecution and the defence in deciding at the end of the defence case that the prosecution had successfully established its case beyond reasonable doubt and hence, in contradiction with the provision under s 182A(1) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'); and (ii) the trial judge had failed to make a finding at the end of the defence case on whether the prosecution had successfully established it case beyond reasonable doubt and hence, was in contradiction with the provision under s 182A(2) of the CPC.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The trial judge's grounds must be read as a whole and not separately. It was clear that the trial judge, in deciding whether the prosecution had successfully established his case without reasonable doubt, had given consideration and taken into account the whole evidence adduced by the prosecution and the defence. In relation to this, the trial judge had considered the evidence adduced by the prosecution and defence, together. The trial judge's ground of judgments could not be read 'by dissecting them into small pieces and examining each piece in isolation' or using the 'cherry-picking' approach, but they must be analysed as a whole (see paras 13–14 & 17).

(2) When the trial judge held that the defence failed to raise reasonable doubt on the prosecution's case, this only brought one meaning which was that the prosecution had successfully established its case beyond reasonable doubt. On the facts, the trial judge had held that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt. The trial judge's failure to state the powerful phrase that the prosecution had successfully proved its case beyond reasonable doubt in the circumstances of this case, was not a direction or in contravention with the provisions under s 182A(2) of the CPC (see para 23).]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 400–608.

Kes-kes yang dirujuk

Arulpragasan a/l Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1, MP (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Methan Aydroos Mohamed Pillai Naina Mohamed v Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah No K-05–190–06 Tahun 2011) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Mohd Johi bin Said & Anor v PP [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389, MR (dirujuk)
Nagappan a/l Kuppusamy v PP [1988] 2 MLJ 53, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39B(1)(a), (2)
Kanun Tatacara Jenayah s 182A, 182A(1), (2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-39 Tahun 2010 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Nurrul Nadia bt Norrizan (Gooi & Azura) bagi pihak perayu.
Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Zawawi Salleh HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Perayu, seorang warganegara Indonesia, telah dituduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') iaitu dikatakan mengedar seberat 1,907g kanabis pada 28 Oktober 2009, jam lebih kurang 7.35 malam, di kawasan keluar-masuk ke stesen KTMB Subang Jaya, Selangor. Di akhir perbicaraan, perayu didapati bersalah dan disabitkan serta dijatuhkan hukuman gantung mandatori seperti yang diperuntukkan di bawah s 39B(2) ADB 1952.

[2] Tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman tersebut, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Kami telah mendengar rayuan ini pada 18 Jun 2014. Selepas mendengar hujahan lisan pihak-pihak, meneliti hujahan bertulis yang telah difailkan dan membaca rekod-rekod rayuan, kami berpendapat bahawa rayuan ini tidak bermerit. Justeru, kami sebulat suara telah menolak rayuan perayu dan mengesah serta mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara.

[3] Kini kami menzahirkan alasan terperinci keputusan kami.

FAKTA KES

[4] Fakta kes yang diterima oleh hakim bicara dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) pasukan polis yang diketuai oleh 'SP2' (ASP Munian a/l Muniandy) telah menerima maklumat bahawa terdapat seorang lelaki Acheh (kemudiannnya dicamkan sebagai perayu) akan mengedar kanabis di kawasan stesen KTMB Subang Jaya. Sesampai di sana, pasukan polis dibahagikan kepada lima kumpulan yang berbeza;

(b) pada lebih kurang jam 7.30 malam, SP2 melihat perayu yang menggalas sebuah beg berwarna hitam keluar dari pintu masuk stesen KTMB. Perayu berseorangan. SP2 memerhati perayu selama lebih kurang lima minit. Sebelum itu, SP2 telah mengarahkan beberapa anggotanya untuk mendekati perayu sebagai langkah berjaga-jaga;

(c) SP2 memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada perayu. Perayu cuba melarikan diri dan berlaku pergelutan antara perayu dan anggota-anggota polis. Akhirnya, perayu berjaya ditahan dan semasa penahanan tersebut, beg galas tersebut masih berada di belakang perayu;

(d) SP2 memeriksa beg galas dan mendapati sehelai jaket berwarna kelabu di dalam beg tersebut. Apabila jaket itu dikeluarkan, terdapat dua ketulan mampat yang disyaki sebagai ganja. Di bahagian tengah beg tersebut pula didapati sebuah album yang tertulis perkataan 'Kodak' berwarna kuning yang mengandungi 20 keping gambar perayu dan kad UNHCR beliau;

(e) siasatan awal dibuat ke atas perayu dan hasilnya ialah perayu telah membawa pasukan polis ke sebuah rumah di Kampung Paya Jaras, Sungai Buloh. Perayu mengatakan bahawa rumah tersebut adalah kepunyaan seorang yang bernama Zul. Pasukan polis hanya mendapati seorang lelaki tua dan peralatan-peralatan ganja di rumah itu;

(f) kemudiannya, perayu dan barang-barang kes dibawa ke Bahagian Narkotik IPD Subang Jaya dan diserahkan kepada 'SP3' (Insp Sherman Jackson a/l Jon Busco), pegawai penyiasat; dan

(g) SP3 telah menghantar ketulan mampat yang dirampas untuk dibuat analisis oleh ahli kimia, 'SP4' (Puan Suhana bt Ismail). Hasil analisis, SP4 mengesahkan bahawa ketulan mampat itu ialah kanabis seberat 1,907g seperti yang ditakrifkan dalam s 2 ADB 1952.

[5] Perayu memilih untuk memberi keterangan atas sumpah. Pada intipatinya, pembelaan perayu bolehlah ringkaskan seperti berikut:

(a) Pada 28 Oktober 2009, perayu telah pergi ke Sungai Way untuk mengambil album. Beliau dihubungi oleh rakannya bernama Zul untuk berjumpa di stesen KTMB Subang Jaya. Perayu dan Zul berbincang mengenai masalah pekerja kontrak di sebuah gerai goreng pisang.

(b) Zul telah meminta perayu memegang beg berwarna merah kepunyaannya kerana beliau ingin ketandas. Pada waktu itu, di tangan perayu terdapat satu beg plastik kuning berisi album yang mengandungi gambar-gambar perayu dan Kad UNHCR beliau.

(c) Perayu ditangkap oleh dua orang lelaki dan mereka menyuruh beliau menunjukkan rumah Zul di Paya Jaras, Sungai Buloh. Sesampai di rumah Zul, terdapat seorang tua di rumah tersebut. Pasukan polis menemui peralatan-peralatan ganja di rumah tersebut. Kemudiannya perayu dibawa ke Balai Polis Puchong untuk siasatan lanjut.

(d) Perayu mengemukakan pembelaan pembawa ikhlas ('innocent carrier/momentarily carrier'). Perayu mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai dadah yang terdapat di dalam beg merah tersebut kerana beg tersebut bukan miliknya tetapi milik Zul. Beliau memegang beg tersebut sementara Zul pergi ke tandas.

RAYUAN

[6] Di hadapan kami, peguambela terpelajar telah mencabar keputusan hakim bicara atas dua alasan utama seperti berikut:

(a) bahawa hakim bicara telah gagal mengambil kira keseluruhan keterangan, iaitu, keterangan yang dikemukaan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan dalam memutuskan di akhir kes pembelaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dan dengan demikian bertentangan dengan peruntukan s 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah; dan

(b) hakim bicara telah gagal membuat dapatan ('findings') di akhir kes pembelaan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dan dengan demikian bertentangan dengan peruntukan s 182A(2) Kanun Tatacara Jenayah.

Alasan (a)

[7] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah gagal untuk menyatakan di dalam alasan penghakimannya sama ada beliau telah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh

pihak pendakwaan dan pembelaan dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah.

[8] Menurut peguambela terpelajar perayu, hakim bicara di dalam alasan penghakimannya di ms 202–203, rekod rayuan ('RR') hanya menyatakan seperti berikut:

> ... Mahkamah mendapati pembelaan OKT adalah bercanggah dan oleh itu pembelaan OKT gagal menimbulkan keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan. Saya berpuashati bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie dan setelah meneliti naratif keterangan pembelaan, saya berpendapat bahawa keterangan pembelaan gagal melontarkan keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan. Pembelaan adalah penafian semata-mata. Penafian ini tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan.

[9] Adalah menjadi hujahan peguambela terpelajar perayu bahawa pendekatan yang diambil oleh hakim bicara adalah bertentangan dengan peruntukan mandatori s 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan bahawa mahkamah 'shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt'. Kegagalan hakim bicara mematuhi s 182A(1) tersebut dihujahkan sebagai satu salah arahan ('misdirection') serius yang menjadikan keputusan yang dibuat oleh hakim bicara tidak boleh dipertahankan.

[10] Bagi menyokong hujahan beliau, rujukan dibuat kepada, antara lain, kes *Arulpragasan a/l Sandaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1, apabila Wan Adnan HMP berkata di ms 76:

> The second stage comes after the defence has been called. The defence can either rebut the prosecution evidence or raise a reasonable doubt as to the truth of the prosecution case. *At the end of the defence case, it is the duty of the court to consider the defence evidence in the light of the prosecution evidence. The court considers the case as a whole. Then and only, the court will make a finding on the guilt of the accused.* (Penekanan ditambah.)

Keputusan mahkamah ini mengenai alasan (a)

[11] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa di akhir kes pembelaan, hakim bicara hendaklah menimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah (lihat s 182A Kanun Tatacara Jenayah, *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301). Ini bermakna hakim bicara hendaklah memberi pertimbangan terhadap kes pendakwaan bersama-sama dengan kes pembelaan.

[12] Dalam kes *Nagappan a/l Kuppusamy v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 53, Mahkamah Agung berkata di ms 54:

> Here we have to go back to first principles. In a criminal proceedings, the onus on the prosecution throughout is to prove beyond reasonable doubt. From the beginning to the end, the burden remains on the prosecutions to prove the guilt of the accused. *At the close of the whole case, the court has to consider all the evidence adduced by both the prosecutor and the defence and has to be satisfied that the case has been proved beyond reasonable doubt*.
>
> *In other words, at the close of the whole case, the court has to consider all the evidence before it whether they satisfy all the ingredient of the offence. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecution is said to have failed to satisfy the onus of proof which lies upon it*. (Penekanan ditambah).

[13] Pada hemat kami, hujahan peguambela terpelajar perayu tidak bermerit dan tersasar. Alasan penghakiman hakim bicara hendaklah dilihat secara keseluruhan dan tidak boleh dibaca secara berasingan. Adalah jelas bahawa hakim bicara dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah telah memberi pertimbangan dan mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan juga pembelaan.

[14] Teras pembelaan perayu ialah bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai *cannabis* yang terdapat di dalam beg yang digalasnya. Dalam hubungan ini, hakim bicara telah menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan bersama-sama. Hakim bicara berkata di ms 201–202 RR seperti berikut:

> Setelah meneliti pembelaan OKT secara keseluruhannya, saya mendapati pembelaan ini hanya penafian OKT terhadap milikan dan pengetahuan beliau berkait cannabis di dalam beg yang digalasnya. Fakta ini cuba dialihkan oleh OKT kepada seseorang bernama Zul. Saya bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana di mana sekiranya diperhatikan pada Nota Keterangan mukasurat 25, kes pembelaan adalah beg tersebut diserahkan oleh Zul di bangunan terminal KTMB. Manakala menurut keterangan OKT semasa kes pembelaan, beg tersebut diserahkan ketika OKT dan Zul berbincang berkenaan pekerja kontrak di gerai goreng pisang. Bangunan terminal dan gerai goreng pisang adalah dua lokasi yang berlainan. Jadi, di mana sebenarnya berlaku penyerahan ini sekiranya benar fakta ini wujud? Jika benar OKT dan Zul pernah berada di gerai goreng pisang, sudah tentu polis akan menangkap Zul bersama beg merah hitam terlebih dahulu kerana SP2 ada menempatkan anggota beliau di gerai goreng pisang. Mahkamah mendapati pembelaan OKT adalah bercanggah dan oleh itu, pembelaan OKT gagal menimbulkan keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan. Sekiranya beg galas tersebut bukan kepunyaan OKT, bagaimana barang-barang kepunyaannya boleh berada di dalam beg tersebut? Fakta ini cuba dialihkan oleh keterangan OKT di mana barang-barang tersebut terdapat di dalam plastik kuning yang dibimbit di tangannya. Walau bagaimanapun, plastik kuning tersebut tidak pernah dikemukakan ke Mahkamah.

[15] Seterusnya di ms 202 RR, hakim bicara menyatakan:

> Melihat kepada cannabis dan fakta bahawa dadah tersebut terbungkus rapi di dalam beg galas OKT, adalah amat sukar bagi saya untuk menerima naratif pembelaan iaitu beg tersebut bukan milik OKT tetapi milik Zul serta OKT tidak mengetahui kewujudan dadah tersebut di dalam beg tersebut. Fakta bahawa dadah tersebut dibungkus dengan rapi dalam beg galas tersebut memperkuatkan lagi inferens bahawa dadah berbahaya tersebut memang untuk tujuan pengedaran dan sememangnya OKT mengetahui tentang dadah tersebut.

[16] Fakta bahawa perayu dan Zul berbincang mengenai pekerja kontrak di gerai goreng pisang dan kanabis dibungkus dengan rapi di dalam beg galas yang dibawa oleh perayu adalah keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi semasa kes pendakwaan. Aspek-aspek keterangan ini telah diambil kira oleh hakim bicara dalam membincangkan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu.

[17] Alasan penghakiman hakim bicara tidak boleh dibaca 'by dissectting them into small pieces and examining each piece in isolation' atau menggunakan pendekatan 'cherry-picking', tetapi hendaklah dianalisis secara keseluruhan. Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh mahkamah ini dalam kes *Methan Aydroos Mohamed Pillai Naina Mohamed v Pendakwa Raya* (Rayuan Jenayah No K-05–190–06 Tahun 2011 (MR)) seperti berikut:

> [17] We saw no merit in this argument. The passage from the judgment of the learned High Court judge should not be read in isolation but must be read and considered in its proper context. More importantly, the judgment must be considered as a whole. In this regard, it is important to note that the form of words used by the learned High Court judge in his judgment is a matter of his choice. A judgment is the expression of the view of a judge arrived at after due deliberation of the evidence and of the submissions advanced before him. But judges write their judgments in their own style. Each judge has an individual manner or style of expression. For that reason in the context of the present case, what is most important is whether or not in substance and effect the learned High Court judge in his judgment had applied the correct burden of proof (see *Nur Azmi So'aib v Public Prosecutor* [2013] 1 CLJ 563).

[18] Berdasarkan alasan di atas, alasan (a) ditolak.

Isu (b)

[19] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa hakim bicara telah gagal menyatakan secara jelas dalam alasan penghakimannya bahawa beliau mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Dihujahkan ini adalah bertentangan dengan peruntukan s 182A(2) Kanun Tatacara Jenayah.

[20] Seksyen 182A(2) Kanun Tatacara Jenayah ialah seperti berikut: A

> (2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.

[21] Peguambela terpelajar perayu seterusnya berhujah bahawa hakim bicara telah menyalah arah dirinya sendiri apabila menyatakan bahawa perayu hanya gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan tanpa terlebih dahulu membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. B

C

[22] Dengan hormat, kami tidak bersetuju dengan hujahan tersebut. Di dalam penghakimannya hakim bicara telah menyatakan bahawa 'keterangan pembelaan gagal melontarkan keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan. Pembelaan adalah penafian semata-mata. Penafian ini tidak mencukupi menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan' (lihat ms 202–203, RR). D

[23] Pada hemat kami, apabila hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, ini hanya membawa satu pengertian sahaja iaitu pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Kami tidak mendapati apa-apa makna lain yang boleh diberikan terhadap ekspresi atau ungkapan tersebut. Kami berpuas hati bahawa pada hakikatnya hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Kegagalan hakim bicara untuk menyatakan secara jelas frasa keramat iaitu 'pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah', dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, tidak merupakan satu salah arahan atau bertentangan dengan peruntukan s 182A(2) Kanun Tatacara Jenayah. E F G

[24] Justeru, alasan (b) adalah ditolak.

[25] Sebelum kami membuat kesimpulan, barangkali suai manfaat untuk dinyatakan bahawa alasan-alasan yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar untuk mencabar keputusan hakim bicara adalah berkisar kepada perkara-perkara 'technicalities'. Dalam hubungan ini, kami ingin mengulangi apa yang dinyatakan oleh Archbold, *Criminal Pleading and Practice*, (200 Ed), di ms 18: H

I

> The very basic and fundamental function of the courts of justice is to ensure that no substantial miscarriage of justice is allowed through the operation of the judicial process. The courts cannot be seen to undermine the very foundation for the existence of the judiciary, namely justice, unaffected by technicalities and sophistry of the legal profession.

[26] Kami juga perlu menekankan bahawa tugas mahkamah yang mendengar rayuan bukanlah untuk memutuskan sama ada hakim bicara telah melakukan apa-apa kekhilafan dalam keputusannya tetapi memutuskan sama ada sabitan yang dibuat adalah selamat. Dalam kes *Mohd Johi bin Said & Anor v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> Unlike civil appeals, where the appellant carries the burden of showing that the judge at first instance went wrong, in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right. The correct approach is therefore not whether the decision is wrong but whether the conviction is safe. See, *Mohammad Husain v Emperor* AIR 1945 Nag 441; *Zahari bin Yeop Baai v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 160; [1977] 1 LNS 162.

[27] Kami telah menyemak keterangan kes ini dengan berhati-hati dan kami berpuas hati bahawa berdasarkan keterangan yang dikemukakan, sabitan terhadap perayu adalah selamat. Terdapat keterangan kukuh dan boleh dipercayai yang menyokong pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu. Justeru, rayuan perayu ditolak dan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara dengan ini disah dan dikekalkan.

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed